

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1970**

#### **HAKMILIK SAMBUNGAN**

Borang 10D Kanun Tanah Negara ialah suatu notis berkenaan dengan cadangan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan atau menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan (I.D.T) dengan sebab-sebab yang disebutkan dalam Seksyen 166.

2. Adalah diperhatikan bahawa banyak Borang-borang 10D yang disiarkan di dalam Warta Kerajaan, di mana Pemungut Hasil Tanah bercadang “hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan” bagi tanah-tanah yang suratan hakmiliknya dikeluarkan di bawah Undang-undang Tanah lama seperti OEMR, NEMR dan sebagainya. Kalau inilah sebenar-benarnya yang dimaksudkan oleh Pemungut-pemungut, iaitu hendak mengeluarkan salinan suratan hakmilik (duplicate I.D.T) sahaja, dengan tidak mengusik daftar Hakmilik (R.D.T), maka bertentanganlah dengan kehendak-kehendak seksyen 175(I) KTN. Sebaliknya, jika Pemungut tidak bermaksud demikian tetapi sebenarnya hendak membatalkan R.D.T dan mendaftarkan R.D.T baru (serta mengeluarkan T.D.T nya) maka borang 10D hendaklah berbunyi ‘hendak mengeluarkan hakmilik sambungan’.

3. Seksyen 175(I) KTN bermaksud bahawa kehilangan mana-mana suratan hakmilik yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Tanah lama tidak boleh digantikan dengan mengeluarkan salinannya sahaja, tetapi hendaklah dibatalkan hakmilik itu dan digantikan dengan pendaftaran hakmilik baru menurut peraturan-peraturan yang diterangkan dalam seksyen 170 sebagai sambungan. Hakmilik sambungan yang dikeluarkan hendaklah mengikut jenis hakmilik yang dahulu, iaitu sama ada hakmilik

pendaftar atau Hakmilik Pejabat Tanah. Misalnya, jika suratan hakmilik yang dipohonkan ganti itu ialah E.M.R. maka hakmilik sambungan yang didaftar dan dikeluarkan ialah Geran Mukim, dengan tidak mengira sama ada tanah yang berkenaan itu tanah Bandar atau desa, ataupun keluasan tanah itu kurang atau lebih dari 10 ekar.

4. Dengan dikeluarkan Pengedaran ini adalah diharap semua PHT akan mengambil perhatian tentang perkataan-perkataan yang digunakan dalam Borang 10D yang disiarkan di dalam Warta Kerajaan, dan juga tentang perbekalan-perbekalan di dalam Kanun Tanah Negara mengenai pengeluaran Hakmilik Sambungan.

t.t

**(Akasah bin H.A. Rahman)**  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

**KOTA BHARU:** 2HB. JANUARI, 1971

PTG.Kn. (Sulit) 80/60/Vol.IV/(47)